

Penduduk lega isu banjir kilat selesai

➔ JPS selenggara parit, pembedung dibina tak ikut piawaiian

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dilema lebih 10,000 penduduk Jalan Ehsan di Seksyen 30, Shah Alam dan sekitarnya yang kerap dilanda banjir kilat sejak tiga tahun lalu, berakhir sejak seminggu lalu.

Ini berikutan tindakan serta merta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyelenggara parit dan pembedung yang sebelum ini dibina tidak mengikut piawaiian sehingga menghalang aliran air ke sungai atau saluran utama.

Penyelenggaraan sistem pengairan dan saluran itu membolehkan air mengalir tanpa sekatan ketika hujan lebat kerana sistem saluran dapat menampung aliran air yang banyak secara sistematik.

Jurucakap penduduk, Samad Rahim, berkata pada 17 Mei lalu,

penduduk setempat mengadakan pertemuan dengan Jurutera JPS Klang, Ir Mohd Nazri Yasmin, untuk membincangkan isu berkenaan.

Konkrit lebih tinggi

Dalam perjumpaan itu, JPS berjanji akan menyelesaikan isu berkenaan dalam tempoh 10 hari untuk membetulkan kedudukan pembedung yang dipasang penduduk atau pemaju tanpa mengikut spesifikasi standard.

Selain itu, konkrit yang dibina lebih tinggi daripada parit hingga menghalang laluan air turut diselenggara.

“JPS Klang mengotakan janji untuk menyelenggara sistem pengairan itu dalam tempoh kurang 10 hari.

“Kami berterima kasih kepada Mohd Nazri yang bertindak segera menyelesaikan masalah yang membelenggu kami sejak tiga tahun lalu,” katanya kepada BH, semalam.



KERJA mengorek pembedung yang menjadi penghalang laluan air dilakukan.